

16 JAN 2002

Mahathir-Putra (Bergambar)

NAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KEKAL, KATA DR MAHATHIR

SERDANG, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menukar semula nama Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada Universiti Pertanian Malaysia.

"Dengan ini saya mengesahkan bahawa tidak ada rancangan atau ingatan untuk mengembalikan nama kepada Universiti Pertanian," katanya dalam ucapan pada majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di universiti itu, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie dalam ucapannya sebelum itu yang meminta Perdana Menteri mengesahkan sama ada nama Universiti Putra Malaysia akan dikekalkan.

Nama Universiti Pertanian Malaysia ditukar kepada Universiti Putra Malaysia oleh Perdana Menteri ketika beliau melawat universiti itu pada 1997.

Mohd Zohadie berkata mereka mendengar desas-desus yang menyatakan nama UPM akan ditukar semula kepada Universiti Pertanian Malaysia dan berharap ia hanya khabar angin belaka dan bukan satu kenyataan.

"Kami warga UPM sangat bangga dan selesa dengan nama Universiti Putra. Nama ini amat sesuai dan mencerminkan pelbagai bidang dan disiplin yang ditawarkan oleh UPM ketika ini," katanya.

Mohd Zohadie berkata perancangan strategi 2001/2010 yang bertujuan menjadikan universiti itu antara 20 universiti terbaik di Asia menetapkan lapan matlamat termasuk meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pembelajaran dan penjana ilmu dan teknologi pertanian.

Kira-kira 5,000 pelajar dan kakitangan universiti hadir pada majlis itu yang diadakan untuk memberi peluang kepada warga UPM beramah mesra dengan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

RZS NM AHH NAK